

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

AAP325 - PERCUKAIAN II

Masa : [3 jam]

ARAHAN :

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH (10)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Pembinaan Molek Sdn Bhd (PMSB) mengendalikan perniagaan pembinaan di Pulau Pinang dan menyiapkan akaunnya sehingga 31 Disember setiap tahun. PMSB bermastautin di Malaysia bagi tujuan percukaian. Akaun Untung Ruginya bagi tahun berakhir 31 Disember 1998 adalah seperti berikut:

Pembinaan Molek Sdn Bhd
Akaun Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998

	Nota	RM'000	RM'000
Hasil Kontrak	a	27,000	
Tolak: Kos Kontrak	b	19,020	

		7,980	
Kontrak Minden - Pembahagian untung	c	1,800	
- Bayaran perkhidmatan	c	1,350	
Kontrak Afrika Selatan	d	750	

		3,900	
Untung dari Kontrak		-----	
		11,880	
 Pendapatan Lain			
Dividen	e	2,280	
Faedah	f	1,440	

		3,720	
Untung sebelum cukai		-----	
		15,600	
		=====	

Nota:

- (a) Untung diiktirafkan berdasar kepada peratus persiapan kecuali kontrak belum lagi siap hingga tahap di mana hasil dari kontrak berkenaan boleh ditentukan dengan tepat. Pada tahun 1998 hanya ada satu kontrak begini dan tiada untung di iktiraf dalam akaun PMSB. Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengarahkan bahawa untung dari kontrak begini harus diiktirafkan berdasarkan pembayaran kemajuan sebagaimana diwajibkan bagi pemaju tanah. Untung anggaran yang harus di iktiraf untuk tujuan cukai ialah RM 650,000 selepas caj susutnilai sebanyak RM1,300,000 telah dipotong.

- (b) Kos kontrak meliputi:

	Nota	RM'000
Kos pembinaan langsung		
Bahan dan bekalan		3,700
Gaji dan bayaran subkontrak	(i)	5,050
Kemudahan , utiliti dan insurans	(ii)	1,560
Caj rekabentuk		890
Susutnilai		1,300
		----- 12,500
Belanja pentadbiran		
Gaji dan elauan	(iii)	1,350
Bayaran guaman dan ikhtisas	(iv)	520
Pembaikan dan penyelenggaraan	(v)	510
Yuran dan derma	(vi)	630
Belanja keraian	(vii)	600
Belanja kenderaan dan persiaran		460
Susutnilai		300
		----- 4,370
Belanja Kewangan		
Caj bunga	(viii)	1,850
Kontingensi	(ix)	300
		----- 2,150
		----- 19,020
		=====

...3/-

(i)	Gaji dan bayaran sub-kontrak meliputi belanja latihan berikut:	RM 000
	Bayaran kursus bagi pengembangan kemahiran, penyeliaan dan teknikal di Pusat Produktiviti Negara (diluluskan)	70
	Latihan kewangan untuk pegawai pengekosan di Institut Bank-bank Malaysia (diluluskan)	50
	Gaji pegawai latihan penuh masa untuk program pengembangan kakitangan dalaman	120
	Seminar "Peranan Industri Pembinaan Dalam Abad 21" – Institut yang tidak diluluskan	30
Nota: PMSB tidak diwajibkan untuk menyumbang kepada Dana Pengembangan Sumber Manusia.		
(ii)	Kemudahan, utiliti dan insurans meliputi:	RM 000
	Premium insurans ke atas liabiliti awam di tapak pembinaan	120
	Premium insurans di bayar kepada syarikat insurans tempatan untuk impot bahan pembinaan	150
	Caj pengangkutan kepada syarikat perkapalan Malaysia	250
(iii)	Gaji dan elaun meliputi ganjaran pengarah yang mengandungi gaji bulanan RM50,000, sumbangan KWSP pada kadar 20%, bonus secara kontrak sebanyak tiga bulan gaji dan tambang cuti luar negara sebanyak RM40,000.	
(iv)	Bayaran guaman dan ikhtisas meliputi:	RM 000
	Belanja tender dan dokumen	150
	Caj guaman bagi sub-kontrak dan jaminan prestasi	100
	Bayaran perakaunan dan percukaian	60
	Bayaran sindiket pinjaman	160
(v)	Pembaikan dan penyelenggaraan meliputi:	RM 000
	Pembinaan pejabat tapak sementara	250
	Pembaikan alat yang disewa	70
	Belian perabot dan lekapan lama	50
	Belanja penyelenggaraan mesin pengorek tanah	90

(vi) Ini termasuk derma sebanyak RM596,000 di mana sebanyak RM200,000 kepada institusi yang diluluskan.

(vii) Belanja keraian meliputi:

	RM'000
Kebajikan staf dan sarapan pagi	90
Menyambut perayaan untuk pelanggan dan rakan niaga	170
Makan malam tahunan staf	150
Sumbangan kepada kelab sukan dan rekreasi staf	120
Keraian pembekal luar negara	70

	600
=====	

(viii) Had belanja bunga tidak dipakai.

(ix) Peruntukan kontingensi adalah berasas kepada 1% hasil kontrak.

(c) Pada 1 April 1998, PMSB menyertai usahasama (jointventure) dengan Awam Sdn Bhd dan Jutera Sdn Bhd untuk menjalani kontrak kejuruteraan awam di Lapangan Kapal Terbang Antarabangsa di Bayan Lepas berdasarkan pembahagian untung seperti berikut:

PMSB	40%
Awam Sdn. Bhd.	30%
Jutera Sdn. Bhd.	30%

Jutera Sdn. Bhd. keluar dari usahasama pada 30 Jun 1998 dan digantikan oleh Corak Sdn. Bhd. pada 1 Julai 1998 berdasarkan pembahagian untung seperti berikut:

PMSB	30%
Awam Sdn. Bhd.	35%
Corak Sdn. Bhd.	35%

Pendapatan usahasama bagi tempoh 1 April 1998 hingga 31 Disember 1998 ialah RM5,400,000 selepas potongan bayaran perkhidmatan kepada syarikat berikut:

	RM 000
PMSB	1,350
Awam Sdn Bhd	900
Jutera Sdn Bhd	270
Corak Sdn Bhd	720

...5/-

Bayaran perkhidmatan yang diterima oleh syarikat tersebut adalah diambil kira sebagai bayaran untuk kerja yang disiapkan dan bukan sebagai manfaat kepada rakan kongsi.

- (d) PMSB mengendalikan projek pembinaan di Afrika Selatan. Pada tahun 1998 PMSB menghantar ke Malaysia untung sebanyak RM750,000 (selepas potongan cukai Afrika Selatan).
- (e) Dividen bersih yang diterima pada 1998 meliputi:

	RM 000	RM 000
Pelaburan dalam Skybuilders Pte Ltd, Singapore	2,920	
Pelaburan dalam Deepgulf Ltd, Hong Kong	1,000	

	3,920	
Tolak: Belanja faedah		
-- Skybuilders Pte Ltd, Singapore	1,200	
-- Deepgulf Ltd, Hong Kong	440	

	1,640	

	2,280	
	=====	

Dividen daripada Deepgulf Ltd, Hong Kong dan Skybuilders Pte Ltd, Singapore dikirimkan ke Malaysia.

- (f) Pendapatan faedah meliputi:

Faedah dari deposit tetap di sebuah bank di Pulau Pinang	1,700
Faedah dari deposit tetap di sebuah bank lepas pantai di Labuan	250

	1,950
Tolak: Belanja faedah berkaitan dengan deposit di Pulau Pinang	510

	1,440
	=====

- (g) PMSB mengenakan perbelanjaan hasil sebanyak RM350,000 yang telah dipermodalkan sebagai kos pengubahsuaian dalam kunci kira-kira pada 31 Disember 1998.
- (h) Jumlah elaun modal yang layak bagi PMSB dan Usahasama Bayan Lepas bagi tahun 1998 ialah RM1,200,000 dan RM900,000 masing-masing. Amaun sebanyak RM1,200,000 itu termasuk elaun modal untuk perbelanjaan modal yang telah dimasuk kira dalam Akaun Untung Rugi.

Dikehendaki:

Kirakan liabiliti cukai PMSB bagi Tahun Taksiran 1999 dengan menunjukkan semua pelarasan cukai yang relevan.

[25 markah]

2. MNM Bhd mengendalikan perniagaan percetakan kain selama enam tahun. MNM Bhd merancang mempelbagaikan operasinya untuk melaksanakan percetakan batik, satu aktiviti yang digalakkan bagi syarikat kecil.

Ramalan untung dan perbelanjaan modal bagi aktiviti baru ini ialah:

	RM ' 000					
	1999	2000	2001	2002	2003	Jumlah
Untung sebelum cukai	5,000	10,000	15,000	18,000	20,000	68,000
Jentera dan mesin	50,000	10,000	8,000	5,000	5,000	78,000
Susutnilai	8,000	8,000	8,000	8,000	8,000	40,000
Elaun modal	15,000	8,000	8,300	8,400	8,800	48,500

Dikehendaki: Nasihatkan MNM Bhd tentang penggalakkan cukai yang dipilihnya.

[18 Markah]

...7/-

3. Anak Sdn Bhd ialah sebuah anak syarikat kepada Ibu Bhd. Kunci kira-kiranya adalah seperti berikut:

Anak Sdn Bhd
Kunci Kira-Kira pada 31 Mac 1999

	RM
Aset Tetap:	
Tanah pegangan bebas (Nota)	850,000
Mesin dan peralatan	160,000
	<hr/>
	1,010,000
Aset Semasa:	
Prabayar	15,000
Liabiliti Semasa:	
Akaun terakru	(15,000)
Amaun terhutang kepada syarikat induk	(830,000)
Pinjaman tetap	(105,000)
	<hr/>
	(950,000)
	<hr/>
	75,000
	<hr/>
Modal syer	25,000
Pinjaman tetap	50,000
	<hr/>
	75,000
	<hr/>

Nota:

Anak Sdn Bhd memperolehi tanah pegangan bebas pada 1 Oktober 1993 dan perbelanjaan berikut telah dibayar:

Harga perolehan	795,000
Bayaran ikhtisas, duti setem dll.	55,000
	<hr/>
	850,000

Oleh kerana kegawatan ekonomi, Ibu Bhd terpaksa menjual tanah Anak Sdn Bhd dengan harga RM1,850,000 atau menjual kesemua modal yang dibayar dalam Anak Sdn Bhd.

...8/-

Dikehendaki:

Nasihatkan Ibu Bhd. sama ada ia harus menjual tanah yang dimiliki Anak Sdn. Bhd dengan harga yang ditawarkan atau menjual kesemua modal yang dibayar dalam Anak Sdn. Bhd.

[18 markah]

4. Amanah Cekap adalah amanah yang tidak bermastautin di Malaysia untuk tahun asas 1998. Pendapatan Amanah Cekap bagi tahun berakhir 31 Disember 1998 ialah:

	RM
(a) Pendapatan perniagaan kasar (Malaysia)	500,000
(b) Pendapatan perniagaan bersih (Luar Negara)	400,000
(c) Belanja hasil (Perniagaan Malaysia)	200,000
(d) Belanja modal (Perniagaan Malaysia)	100,000

Nota:

- (i) Amanah Cekap mempunyai dua orang benefisiari: Alwi (Pemastautin) dan Bush (Bukan Pemastautin).
- (ii) Kedua-dua benefisiari layak menerima bahagian yang sama dalam pendapatan boleh agih Amanah Cekap.
- (iii) Untuk tahun berakhir 31 Disember 1998, Alwi dan Bush menerima RM300,000 daripada Amanah Cekap.
- (iv) Amanah Cekap tidak membawa pendapatan perniagaan bersih (luar negara) sebanyak RM400,000 ke Malaysia.
- (v) Untuk tahun berakhir 31 Disember 1998, Alwi juga menerima RM50,000 daripada Amanah Cekap yang berpunca daripada luar negara. Amaun ini dibayar kepada Alwi di luar negeri dan Alwi membawanya balik ke Malaysia.
- (vi) Cukai luar negara yang dikenakan ke atas RM400,000 pendapatan luar negara itu ialah RM160,000.
- (vii) Kedua-dua benefisiari tiada pendapatan lain.

...9/-

Dikehendaki:

Kirakan pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk TahunTaksiran 1999 bagi:

- (a) Amanah Cekap,
- (b) Alwi dan
- (c) Bush

[20 markah]

5. Bina Sdn Bhd (syarikat pemastautin di Malaysia) dan Fuji Corporation Ltd (syarikat yang bukan pemastautin) membentuk perkongsian di bawah nama Syarikat Bijisama. Untuk tawaran kontrak di Malaysia, keuntungan daripada perkongsian adalah dibahagikan seperti berikut :

Bina Sdn Bhd	70 %
Fuji Corporation Ltd	30 %

Pada 1 Mac 1998 perkongsian Syarikat Bijisama memperoleh kontrak daripada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk merekabentuk, membekal dan memasang logi binaan keluli. Jumlah nilai bagi kontrak ialah RM 200 juta telah dipersetujui. RM120 juta dibelanja untuk membekal loji, peralatan dan bahan, sementara baki ialah untuk merekabentuk dan pemasangan.

Bagi tujuan pengambilalihan projek, Syarikat Bijisama telah membuka pejabat di Kuala Terengganu, di mana ia lebih dekat dengan tapak loji yang dicadangkan. Projek dijangka siap dalam masa dua tahun. Rekabentuk loji akan diambilalih sepenuhnya oleh Syarikat Bijisama di luar dari Malaysia dan telah dipersetujui oleh KKR bahawa bayaran berkaitan dengan bahagian ini ialah RM10 juta. Oleh kerana perkhidmatan pemasangan dibuat di Malaysia, Syarikat Bijisama telah membuat perjanjian tambahan ke atas bahagian berikut kepada syarikat Malaysia yang lain.

Pengangkutan loji dan peralatan	RM 2.0 juta
Pembekalan buruh	RM 3.0 juta

Kebanyakan mesin yang akan digunakan untuk tujuan pemasangan loji akan di sewa oleh Syarikat Bijisama pada kos RM4 juta daripada sebuah syarikat yang bukan pemastautin dan juga tiada pejabat di Malaysia.

...10/-

Dikehendaki :

- (a) Nasihatkan Syarikat Bijisama berhubung peruntukan cukai pegangan terhadap yuran kontrak yang akan diterima dan pembayaran yang akan dibuat.
(Anda juga perlu mengira jumlah cukai pegangan yang kena dibayar).

...10/-

- (b) Nyatakan kesan ke atas Syarikat Bijisama jika ia gagal mematuhi peruntukan cukai pegangan.

[19 markah]

---oooo000ooo---